

D468

U B407 AAB
MAHATHIR - BRITAIN
(I)
DARIPADA WAN A HULAIMI

LONDON, 22 APRIL (BERNAMA) -- BRITAIN PERLU PEKA TERHADAP SENSIVITI MALAYSIA DALAM USAHA UNTUK MEMPERBAIKI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

SEMASA MENJAWAB SATU PERTANYAAN YANG DITUJUKAN KEPADA BELIAU DI INSTITUT DIRAJA BAGI HAL EHWAL ANTARABANGSA SEMALAM, PERDANA MENTERI BERKATA BRITAIN DIRASAI TIDAK MEMAHAMI SENSIVITI MALAYSIA.

SEBAGAI HURAIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KOMPOSISI MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM PERLU DIFAHAMI OLEH BRITAIN DAN BELIAU BERHARAP KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN BRITISH MENYEDARI BAHAWA MEREKALAH YANG MEMBAWA MASALAH ITU KE MALAYSIA.

KATANYA DALAM SESEBUAH MASYARAKAT BERBILANG KAUM, TENTULAH ADA YANG EKTREMIS, DAN DI MALAYSIA MISALNYA JIKA MASYARAKAT MELAYU SAHAJA YANG DIBERI PERHATIAN TENTULAH MASYARAKAT CINA DAN INDIA MEMBANTAH.

KEPADA PARA PENGUSAHA BELIAU BERKATA DI MALAYSIA, JIKA MENGAMBIL PEKERJA, DISYARATKAN BAHAWA MEREKA HENDAKLAH TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM AGAR TIDAK MENYISIHKAN SESUATU KAUM. INI JUGA DEMI KEHARMONIAN PERUSAHAAN.

-- LAGI
1121MST 22 07 87

D469

U B408 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 2 LONDON
(I)

+KEADAAN DI MALAYSIA SEBEGITU RUPA ADA KALANYA KITA MEMERLUKAN DISKRIMINASI POSITIF,+ KATA BELIAU.

SEMASA MENJAWAB SATU PERTANYAAN MENGENAI PERANAN ASEAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERTUBUHAN ITU DIBENTUK KERANA PERLU ADA DIALOG POLITIK DI ANTARA NEGARA-NEGARA DI RANTAU ITU,

MALAYSIA KETIKA ITU MEMPUNYAI MASALAH DENGAN INDONESIA DAN FILIPINA.

BELIAU BERKATA APABILA ASEAN DIBENTUK, IA LEBIH MERUPAKAN SEBUAH PERTUBUHAN POLITIK DARIPADA PERTUBUHAN EKONOMI DAN SEBAGAI PERTUBUHAN POLITIK, IA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN.

SEBAGAI PERTUBUHAN EKONOMI, ASEAN MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI MASALAH UNTUK MEMUPUK KERJASAMA KERANA NEGARA-NEGARA ANGGOTA SALING BERSAINGAN.

+KAMI BERSAINGAN DALAM PASARAN YANG SAMA DAN IA MENYUKARKAN APABILA BERSAING SESAMA SENDIRI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. --
LAGI

1129MST 22 07 87

D471

U B409 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 3 LONDON
(I)

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN YANG MEMPUNYAI JUMLAH PENDUDUK YANG BESAR ENGGAN MEMBUKA PASARAN MEREKA TERUTAMANYA KEPADA SINGAPURA DAN MALAYSIA TETAPI +KAMI CUBA MEYAKINKAN MEREKA AKAN MANFAAT KERJASAMA+.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR TIMAH (APTC) DAN PEMBENTUKAN KUOTA BAGI PENGELUARAN TIMAH MERUPAKAN CONTOH KEJAYAAN DALAM KERJASAMA EKONOMI.

APABILA DITANYA MENGENAI TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPENDAPAT ISU ITU DAPAT DISELESAIKAN DALAM MASA SATU ATAU DUA TAHUN.

+PERKARA ITU SEDANG DITELITI DAN KERAJAAN AQUINO MAHU IA DISELESAIKAN SECARA MUKTAMAD TETAPI IA MESTI SEJAJAR DENGAN PERUNDANGAN ASAS MEREKA.

+MEREKA TAHU PANDANGAN DI MALAYSIA DAN SAYA FIKIR DALAM MASA SETAHUN ATAU DUA TAHUN KAMI AKAN DAPAT MENYELESAIKANNYA. KINI WUJUD HUBUNGAN MUHIBAH YANG KETARA DI ANTARA MALAYSIA DENGAN FILIPINA,+ KATANYA. -- LAGI
1140MST 22.07.87

U B417 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 4 LONDON
(I)

APABILA DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN ASEAN DIPERLUASKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA IA SESUATU YANG TIDAK MUNGKIN PADA MASA SEKARANG.

BELIAU KEMUDIAN DITANYA MENGENAI BIDANG-BIDANG KERJASAMA YANG BOLEH DITEROKAI OLEH NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA EKORAN SURUHANJAYA SELATAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH DR JULIUS NYERERE.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB BAHAWA SATU BIDANG IALAH MENGENAI PERTUKARAN DATA.

SOGOSOSHA JEPUN, KATANYA, MEMPUNYAI MAKLUMAT LENGKAP MENGENAI NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA TETAPI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA KEKURANGAN MAKLUMAT MENGENAI SATU SAMA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAHAWA PERDANA MENTERI INDIA RAJIV GANDHI MEMBERITAHUNYA MENGENAI PENGALAMAN INDIA APABILA IA MEMERLUKAN BATANG PAIP KHAS DAN TELAH DIBERITAHU BAHAWA MEREKA BOLEH MENDAPATKANNYA DARI BRAZIL. -- LAGI
1203MST 22.07.87

U B420 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 5 LONDON

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA MEMPUYAI SEBUAH BANK MAKLUMAT, MEREKA BOLEH MEMPERTINGKATKAN PERDAGANGAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU JUGA BERKATA SATU LAGI BIDANG KERJASAMA IALAH DALAM BIDANG PELAJARAN IAITU UNTUK MENGURANGKAN KOSNYA.

BANYAK WANG TELAH DIBELANJAKAN OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN DI UTARA UNTUK MEMBERI PELAJARAN KEPADA RAKYAT MEREKA, KATANYA.

+TETAPI JIKA KAMI MENGADAKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI SENDIRI DENGAN MENGGUNAKAN JUGA TENAGA PENGAJAR DARI UTARA, TERMASUK SEBAHAGIAN PENDUDUK KAMI YANG SEHINGGA KINI TIDAK DAPAT PEKERJAAN DI SELATAN, SUDAH TENTU KAMI AKAN DAPAT MENGURANGKAN KOS BERKENAAN,+ KATANYA.

SATU LAGI SOALAN YANG DIKEMUKAKAN IALAH MENGENAI UCAPANNYA KEPADA INSTITUT ITU YANG MENKRITIK KUMPULAN TUJUH NEGARA MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR DITANYA APAKAH BELIAU MEMPUYAI PANDANGAN MENGENAI MEKANISMA KHUSUS YANG MEMBOLEHKAN RUNDINGAN DIADAKAN DI ANTARA MEREKA DENGAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN.

PADA MASA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TIDAK MEMPUYAI SUARA LANGSUNG SUNGGUHPUN MENTERI LUAR JEPUN MENGAMBIL BERAT DENGAN MENULIS BERTANYAKAN NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA MENEGENAI APA-APA ISU YANG JEPUN DAPAT KETENGAHKAN. -- LAGI

1222MST 22 07 87

U B424 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 6 LONDON

(I)

+KAMI BERPENDAPAT KUMPULAN TUJUH ITU PERLU KEKAL KERANA MEREKA MEMPUYAI KEPENTINGAN TERSENDIRI YANG KHUSUS, TETAPI MEREKA PERLU MEMPUYAI WAKIL DARI SELATAN DAN KAMI AKAN PUTUSKAN BAGAIMANA KAMI MEMILIH WAKIL-WAKIL ITU. DALAM MESYUARAT TUJUH NEGARA ITU, PERLU ADA DUA ATAU TIGA ORANG BERCAKAP BAGI PIHAK SELATAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT SATU FORUM YANG TERLALU BESAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI MISALAN KENAIKAN NILAI YEN DENGAN TUJUAN MENGURANGKAN EKSPORT JEPUN KE AMERIKA SYARIKAT.

MALAYSIA, YANG BANYAK MEMINJAM DARI JEPUN, SECARA TIBA-TIBA MENDAPATI HUTANGNYA BERLIPAT GANDA.

+SEORANG WAKIL DARI SELATAN BOLEH MENIMBULKAN PERKARA ITU KEPADA MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI

1241MST 22 07 87

U B427 AAB
MAHATHIR - BRITAIN 7 LONDON

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DITANYA MENGENAI PANDANGANNYA TERHADAP DEMOKRASI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA DEMOKRASI MERUPAKAN SISTEM YANG SANGAT BAIK DAN MALAYSIA MENGAMALKANNYA TETAPI DARI MASA KE SEMASA ADA ORANG YANG MEMBERI INTERPRETASI BARU MENGENAI DEMOKRASI MISALNYA MENGENAI HAK INDIVIDU.

BELIAU BERKATA DEMOKRASI MERUPAKAN KEHENDAK MAJORITI DAN KEPENTINGAN RAMAI SEHARUSNYA TIDAK DIANCAM OLEH KEINGINAN SEKUMPULAN MINORITI. -- BERNAMA

1300MST 22 07 87